



MODEL UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2016

021 BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

September

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

Bahagian A

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C**, dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
4. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini.

BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 14.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

No. Soalan	:	<i>1</i>
Item	:	<i>Kata Ganti Nama Diri (Bahasa Istana)</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Sederhana</i>

- 1 “Wahai, Tuah! Pada pendapat _____ eloklah kita berangkat sekarang,” kata Hang Jebat.
A beta
B patik
C hamba
D tuan hamba

No. Soalan	:	<i>2</i>
Item	:	<i>Kata Kerja Transitif</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Rendah</i>

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 2 Ibu _____ sedulang air kopi untuk tetamu yang bertandang.
A mengelek
B menatang
C menjinjing
D mengusung

No. Soalan : 3
Item : Kata Sendi Nama
Jenis Item : Objektif Aneka Pilihan
Aras Item : Rendah

- 3 Beberapa orang pekerja berada di ladang itu _____ pagi tadi.
- A di
B ke
C pada
D sejak

No. Soalan : 4
Item : Kata Arah
Jenis Item : Objektif Aneka Pilihan
Aras Item : Rendah

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 4 Jururawat itu berdiri di _____ katil sambil memeriksa suhu badan pesakit.
- A sisi
B atas
C antara
D hujung

No. Soalan : 5
Item : Kata Adjektif Pancaindera
Jenis Item : Objektif Aneka Pilihan
Aras Item : Sederhana

- 5 Tangan ibu berbau _____ setelah menyiang beberapa ekor udang galah.
- A hanyir
B hamis
C hapak
D hancing

No. Soalan	:	6
Item	:	<i>Kata Kerja Transitif</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Sederhana</i>

- 6 Puan Kamalia _____ ubat herba untuk anaknya yang sakit.
- A memasak
 - B mereneh
 - C menanak
 - D menjerang

No. Soalan	:	7
Item	:	<i>Imbuhan</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Sederhana</i>

- 7 Murid-murid _____ tangan semasa membentuk bulatan di padang .
- A pegangan
 - B pemegang
 - C memegang
 - D berpegangan

No. Soalan	:	8
Item	:	<i>Kata Ganda</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Rendah</i>

- 8 Kepala paip hendaklah ditutup _____ untuk mengelakkan pembaziran air
- A erat-erat
 - B ketat-ketat
 - C rapat-rapat
 - D cukup-cukup

No. Soalan	:	9
Item	:	<i>Simpulan Bahasa</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Sederhana</i>

9 Dia memang _____, segala nasihat daripada orang tua dan kawan-kawan tidak dihiraukannya.

- A naik kepala
- B sakit kepala
- C keras kepala
- D dalam kepala

No. Soalan	:	10
Item	:	<i>Penjodoh Bilangan</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Rendah</i>

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah ini.



10 Beberapa _____ pisang nangka di kebun Pak Wan sudah tua.

- A biji
- B sisir
- C sikat
- D tandan

No. Soalan : 11
Item : Kata Majmuk
Jenis Item : Objektif Aneka Pilihan
Aras Item : Sederhana

- 11 Salim sedang menyembur _____ pada badannya selepas mandi.
- A minyak hitam
B minyak rambut
C minyak masak
D minyak wangi

No. Soalan : 12
Item : Kata Adjektif Keadaan
Jenis Item : Objektif Aneka Pilihan
Aras Item : Rendah

- 12 Pergerakan pemain bola keranjang yang _____ itu sukar dikawal oleh pihak lawan.
- A tangkas
B pandai
C cermat
D laju

No. Soalan : 13
Item : Kata Ganti Nama Diri
Jenis Item : Objektif Aneka Pilihan Kompleks
Aras Item : Sederhana

- 13 “Osmani, duit _____ hilang,” kata Umair kepada kawan karibnya itu.
- I aku
II saya
III kami
IV kalian
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

No. Soalan	:	<i>14</i>
Item	:	<i>Penanda Wacana</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan Kompleks</i>
Aras Item	:	<i>Tinggi</i>

14 Amirul memberitahu ibunya bahawa dia hendak ke sekolah, _____ dia ke pusat permainan video.

- I Padahal
 - II Lagipun
 - III Malahan
 - IV Sebaliknya
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

No. Soalan	:	<i>15</i>
Item	:	<i>Ayat Sama Maksud</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Tinggi</i>

Soalan 15

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

15 Ramli berjanji kepada Ramu bahawa dia akan berada di dewan badminton pada pukul 4.00 petang.

- A Ramli berjanji kepada Ramu, “Saya berjanji akan pergi pada pukul 4.00 petang ke dewan badminton.”
- B Kata Ramli kepada Ramu, “Saya berjanji akan berada di dewan badminton pada pukul 4.00 petang.”
- C Kata Ramli kepada Ramu, “Kita berjanji berada di dewan badminton pada pukul 4.00 petang.”
- D Kata Ramli kepada Ramu, “Kamu berjanji akan datang ke dewan badminton pada pukul 4.00 petang.”

No. Soalan	:	16
Item	:	Ayat Yang Betul
Jenis Item	:	Objektif Aneka Pilihan Kompleks
Aras Item	:	Tinggi

Soalan 16.

Pilih ayat yang betul.

- 16 I Jari telunjuk Ramasamy luka terkena pisau yang tajam.
II Kesihatan datuk tidak berapa segar sejak semalam.
III Pendengaran nenek semakin kabur akhir-akhir ini kerana sudah tua.
IV Ubi kentang yang direbus oleh kakak itu sudah empuk.
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Soalan 17 hingga 20.

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Negara kita mempunyai lebuh raya antara yang terbaik di dunia. Antara lebuh raya yang terdapat di negara kita ialah Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuh Raya Pantai Timur.

Pembinaan lebuh raya dapat memendekkan perjalanan dan menjimatkan masa. Secara tidak langsung penghantaran barang dan pengangkutan penumpang menjadi lebih cepat. Selain itu, pembinaan lebuh raya juga bertujuan untuk memajukan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.

Penggunaan juga berasa lebih selamat dan selesa menggunakan lebuh raya kerana jalannya lebih besar, rata dan lurus. Terdapat juga kemudahan untuk mendapatkan barang-barang keperluan, tempat rehat dan surau di kawasan rehat dan rawat (R&R). Pengguna lebuh raya yang menghadapi masalah seperti kerosakan kenderaan dan kemalangan, boleh menggunakan telefon kecemasan yang disediakan di sepanjang lebuh raya.

Pembinaan lebuh raya juga dapat memberi peluang pekerjaan seperti peniaga-peniaga gerai di kawasan R&R, jurutol dan kerja-kerja penyelanggaraan. Penduduk setempat juga berpeluang memasarkan hasil pertanian di gerai-gerai yang terdapat di R&R.

Kesimpulannya, pembinaan lebuh raya di negara kita mampu meningkatkan ekonomi penduduk yang tinggal di sepanjang lebuh raya.

No. Soalan	:	17
Item	:	<i>Soalan Petikan 1</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Sederhana</i>

- 17 Selain memajukan kawasan yang berhampiran, faktor utama lebuh raya dibina adalah untuk

 - A meningkatkan hasil pertanian.
 - B menyelesaikan masalah penduduk.
 - C menjimatkan perbelanjaan penduduk.
 - D memendekkan perjalanan dan menjimatkan masa.

No. Soalan	:	18
Item	:	<i>Soalan Petikan 1</i>
Jenis Item	:	<i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	:	<i>Sederhana</i>

- 18 Apakah faedah lebuh raya ini kepada penduduk setempat?

 - A Memenuhi keperluan penduduk
 - B Menambahkan pendapatan penduduk
 - C Mendapatkan rehat yang cukup di R & R
 - D Membantu kerja-kerja penyelenggaraan

No. Soalan : 19
Item : *Soalan Petikan 1*
Jenis Item : *Objektif Aneka Pilihan*
Aras Item : *Sederhana*

- 19 Berikut adalah kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan R&R, kecuali

 - A restoran
 - B stesen minyak
 - C pasar raya
 - D penyelenggaraan

No. Soalan	: 20
Item	: <i>Soalan Petikan 1</i>
Jenis Item	: <i>Objektif Aneka Pilihan</i>
Aras Item	: <i>Tinggi</i>

- 20 Mengapakah telefon kecemasan disediakan di sepanjang lebuh raya?
- A kerana lebuh raya lebih lebar dan lurus
B terdapat tempat perniagaan
C untuk melaporkan masalah kenderaan
D kerana ramai pengguna lebuh raya

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. C | 2. B | 3. D | 4. A | 5. A |
| 6. B | 7. D | 8. B | 9. C | 10. D |
| 11. D | 12. A | 13. A | 14. D | 15. B |
| 16. D | 17. D | 18. B | 19. C | 20. C |